

**"SPANISH FLU" DI INDIA
(1918-1920)**

FRANCY SEMO ANAK UNAU



**"SPANISH FLU" DI INDIA
(1918-1920)**

FRANCY SEMO ANAK UNAU

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN (SEJARAH)**



UMS

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


BORANG PENGESAHAN STATUS LATIHAN ILMIAH

JUDUL : **"SPANISH FLU" DI INDIA (1918-1920)**
IJAZAH : **SARJANA MUDA**
BIDANG : **SAINS SOSIAL (SEJARAH)**


Saya **FRANCY SEMO ANAK UNAU** sesi **2019-2022** mengaku bahawa untuk membenarkan Latihan Ilmiah Sarjana Muda ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

| | | |
|-------------------------------------|--------------|--|
| <input type="checkbox"/> | SALIN | (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan) |
| <input checked="" type="checkbox"/> | TIDAK TERHAD | |


FRANCY SEMO ANAK UNAU
BA19110549

Tarikh :)

Disahkan Oleh,

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)


(Dr. Maureen De Silva)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



Francy Semo Anak Unau
BA19110549



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **FRANCY SEMO ANAK UNAU**
NO. MATRIK : **BA19110549**
TAJUK : **"SPANISH FLU" DI INDIA (1918-1920)**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN (SEJARAH)**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA

Dr. Maureen De Silva

Tandatangan

PENGHARGAAN

Lafaz syukur ke hidrat Tuhan yang maha kuasa yang menjanjikan serta membekalkan kekuatan dan kesabaran yang tinggi terhadap diri ini dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Cabaran sepanjang tempoh perjuangan ini bukanlah suatu yang biasa namun telah mengajar saya untuk lebih percaya dan mendekatkan lagi kepada maha pencipta.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Maureen De Silva selaku penyelia saya sepanjang penulisan tesis ini dilaksanakan. Segala pengorbanan beliau dari segi masa, tunjuk ajar dan terutama sekali dari segi nasihat beliau amat saya hargai dan akan sentiasa dijadikan panduan dalam hidup saya supaya semua itu menjadi tauladan dan mematangkan pengalaman sepanjang bersama penyeliaan beliau. Segala ketabahan beliau dalam membimbing saya menghasilkan penulisan tesis ini tidak mampu saya luahkan dengan kata-kata. Namun, biarlah keberhasilan tesis ini sebagai penghargaan kepada beliau yang sangat bermakna untuk diri saya.

Demikian juga, penghargaan turut saya hadirkan untuk kedua-dua orang tua saya yang banyak memberikan sokongan kepada saya dan telah bertungkus-lumus dalam membantu saya dalam bentuk kewangan, kata-kata nasihat serta dorongan yang amat bermakna untuk saya selama saya melaksanakan penulisan tesis ini. Ribuan terima kasih juga turut saya ucapkan kepada kesemua adik-beradik dan ahli keluarga yang lain yang telah terlibat secara langsung ataupun tidak langsung yang juga turut banyak membantu terutamanya dari segi nasihat dan dorongan dari segi moral sepanjang saya menjalankan penulisan tesis ini.

Akhir kata daripada saya, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan penulisan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Andainya budi kalian tidak mampu saya balas kembali, biarlah Tuhan Yang Maha Kuasa yang akan membalas semuanya dengan dimudahkan rezeki yang melimpah ruah serta kesihatan yang baik sepanjang hayat terhadap kalian dan keluarga. Sekian, terima kasih.

FRANCY SEMO ANAK UNAU
08 OGOS 2022

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan ke atas kewujudan wabak "Spanish Flu" di India pada tahun 1918 sehingga 1920. Permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini adalah berkaitan dengan penularan wabak Spanish Flu di India serta langkah yang diambil oleh kerajaan dan bukan kerajaan India bagi mengekang penularan wabak ini di India dan kesan wabak ini terhadap kehidupan penduduk India. Berdasarkan penggunaan data primer dan sekunder, Spanish Flu telah merebak ke India ekoran pada masa itu sedang berlakunya Perang Dunia Pertama dan ramai tentera India yang telah terlibat dalam peperangan tersebut di negara Eropah. Jangkitan Spanish Flu pada tentera India berlaku apabila wujudnya pertembungan antara tentera India dengan tentera dari negara Eropah yang telah merekodkan kes Spanish Flu. Sekembalinya para tentera India ke negara asal mereka telah membawa wabak ini ke negara mereka apabila mereka berlabuh di pelabuhan Bombay. Maka di sini bermulalah penularan wabak Spanish Flu di seluruh India dan Bombay merupakan kota pertama di India yang merekodkan mangsa jangkitan wabak influenza ini. Kewujudan wabak Spanish Flu di India mendatangkan banyak kesan negatif kepada kehidupan masyarakat di sana terutama dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Bagi mengatasi masalah yang wujud disebabkan wabak influenza ini, pelbagai pihak telah menjalankan peranan masing-masing dalam meringankan masalah yang dihadapi oleh India pada ketika itu.

Kata Kunci: Spanish Flu, Penularan. India, Kerajaan British, Tindakan, Kesan

ABSTRACT

Spanish Flu In India (1918-1920)

This study focuses on the existence of the Spanish Flu epidemic in India from 1918 to 1920. The research problems focuses on the spread of the Spanish Flu epidemic in India as well as measures taken by Indian governments and non-government agencies to curb the spread of this epidemic in India, and the impact of this epidemic on the lives of the Indian population. Based on primary and secondary sources, Spanish Flu spreaded to India during the First World War and many Indian soldiers had been involved in the war. The clash between the Indian army and the soldiers from various European countries, whose countries already had a record of Spanish Flu cases, had also caused the Indian army to become infected. Upon their return, the Indian soldiers had brought this epidemic to their country when they anchored in the port of Bombay. So here began the spread of the Spanish Flu epidemic throughout India and Bombay was the first city in India to record victims of this influenza epidemic. The existence of the Spanish Flu outbreak in India has had many negative effects on the life of the community there especially in the social, economic and political aspects. In order to overcome the problems that existed due to the influenza pandemic, various parties have carried out their respective roles in easing the problems faced by India at that time.

Keywords: *Spanish Flu, Contagion. India, British Government, Action, Impact*

KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|----------------|
| TAJUK | I |
| BORANG PENGESAHAN STATUS LATIHAN ILMIAH | II |
| PENAKUAN | III |
| PENGESAHAN | IV |
| PENGHARGAAN | |
| V | |
| ABSTRAK | VI |
| <i>ABSTRACT</i> | VII |
| SENARAI KANDUNGAN | VIII |
| SENARAI JADUAL | XI |
| SENARAI GAMBAR | XII |
| SENARAI PETA | XII |
| SENARAI GRAF | XIV |
| SENARAI SINGKATAN | XV |
| SENARAI GLOSARI | XVI |
| BAB 1: PENGENALAN | |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 2 |
| 1.3 Objektif Kajian | 3 |
| 1.4 Sorotan Literatur | 4 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.6 Skop Kajian | 7 |
| 1.7 Kaedah Kajian | 8 |
| 1.8 Pembahagian Bab | 9 |
| 1.9 Kesimpulan | 10 |
| BAB 2: LATAR BELAKANG NEGARA INDIA | |
| 2.1 Pengenalan | 11 |
| 2.2 Latar Belakang Negara India | 11 |
| 2.2.1 Zaman Pertengahan Di India | 13 |

| | | |
|--------|---|----|
| 2.2.2. | Zaman Kolonial Di India | 14 |
| 2.2.3 | Zaman Kemerdekaan India | 16 |
| 2.3 | Budaya Di India | 16 |
| 2.4 | Masyarakat Di India | 18 |
| 2.5 | Latar Belakang Spanish Flu | 20 |
| 2.5.1 | Kematian Disebabkan Wabak Spanish Flu | 26 |
| 2.5.2 | Kesan Spanish Flu Terhadap Masyarakat Dunia | 31 |
| 2.6 | Kesimpulan | 34 |

BAB 3: SPANISH FLU DI INDIA

| | | |
|-------|---|----|
| 3.1 | Pengenalan | 35 |
| 3.2 | Penularan Wabak Spanish Flu Ke Seluruh India | 35 |
| 3.3 | Faktor Penularan Spanish Flu Di India | 36 |
| 3.3.1 | Pergerakan Para Tentera | 37 |
| 3.3.2 | Sikap Kurang Ambil Peduli Para Pemerintah | 38 |
| 3.3.3 | Kadar Kemiskinan Tinggi | 42 |
| 3.3.4 | Kekurangan Air Bersih | 44 |
| 3.3.5 | Kekurangan Zat Makanan | 46 |
| 3.3.6 | Kekurangan Bekalan Asas | 47 |
| 3.3.7 | Kegagalan Mosun Barat Daya | 49 |
| 3.4 | Tindakan Kerajaan India Menangani Spanish Flu | 50 |
| 3.5 | Tindakan pihak Bukan Kerajaan India Menangani Spanish Flu | 53 |
| 3.5.1 | Peranan Pihak Media | 53 |
| 3.5.2 | Peranan Pihak Organisasi | 55 |
| 3.5.3 | Penglibatan Pakar Perubatan | 56 |
| 3.5.4 | Kemunculan Tokoh Pejuang | 57 |
| 3.6 | Kesimpulan | 59 |

BAB 4: KESAN PENULARAN SPANISH FLU TERHADAP NEGARA INDIA

| | | |
|-------|--|----|
| 4.1 | Pengenalan | 61 |
| 4.2 | Kesan Wabak Spanish Flu Terhadap Sosial Di India | 61 |
| 4.2.1 | Peningkatan Kadar Kematian | 61 |
| 4.2.2 | Perubahan Jumlah Kumpulan Umur | 65 |

| | | |
|--------------------------|---|----|
| 4.2.3 | Gaya Dan Corak Hidup Masyarakat Berubah | 67 |
| 4.3 | Kesan Wabak Spanish Flu Terhadap Ekonomi Di India | 69 |
| 4.3.1 | Penutupan Kilang-kilang Perindustrian | 69 |
| 4.3.2 | Sistem Pertanian Terjejas | 70 |
| 4.3.3 | Perdagangan Komersial Terjejas | 73 |
| 4.3.4 | Pengeluaran Wang Negara Yang Banyak | 74 |
| 4.3.5 | Penggunaan Kemudahan Awam Terjejas | 75 |
| 4.4 | Kesan Wabak Spanish Flu Terhadap Politik Di India | 75 |
| 4.5 | Kesimpulan | 77 |
| BAB 5: KESIMPULAN | | 78 |
| RUJUKAN | | 82 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL


| | Halaman |
|--|---------|
| Jadual 4.2.1 : Kematian Influenza Di British India Dari 10 Oktober Hingga 30 November 1918 | 65 |
| Jadual 4.3.2 : Keluaran Gandum Di British India (dalam '000tan) 1916-17 hingga 1918-19. | 71 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

| | Halaman |
|--|---------|
| Gambar 2.4 : Kepadatan Penduduk India | 19 |
| Gambar 2.5 : Laluan Kereta Api Utama Dari Sepanyol Dan Portugal Ke Selatan Dan Tengah Perancis. | 22 |
| Gambar 2.5.2 : Keadaan Di Hospital Amerika Syarikat Semasa Wabak Spanish Flu 1918 Sehingga 1920 | 32 |
| Gambar 2.5.2 : Keratan Akhbar Yang Memberitakan Penutupan Sekolah, Gereja Dan Pusat Hiburan Untuk Membendung Wabak Spanish Flu | 33 |
| Gambar 3.3.6 : Tenaga Perubatan India | 48 |
| Gambar 3.3.7 : Pergerakan Angin Monsun | 50 |
| Gambar 3.5.1 : Salah Satu Artikel Yang Dikeluarkan Oleh Akhbar <i>The Times of India</i> | 54 |
| Gambar 3.5.4 : Mahatma Gandhi Dan Penduduk India di Gujerat | 58 |
| Gambar 4.2.1 : Mayat Penduduk India Yang Terkorban Akibat Wabak Spanish Flu | 62 |



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

| | Halaman |
|--|---------|
| Peta 2.2 : Peta India | 13 |
| Peta 2.5 : Peta Gelombang Wabak Spanish Flu | 24 |
| Peta 2.5.1 : Peta Kadar Kematian Mengikut Negara Disebabkan Wabak Spanish Flu | 26 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GRAF

| | | Halaman |
|------------|---|--|
| Graf 2.5.1 | : | Graf Kadar Kematian Akibat Wabak Spanish Flu Di Amerika Syarikat Dan Eropah 27 |
| Graf 2.5.1 | : | Kadar Kematian Disebabkan Wabak Spanish Flu Di Amerika Syarikat 28 |
| Graf 2.5.1 | : | Graf Kadar Kematian Mengikut Jantina Di United States 29 |
| Graf 2.5.1 | : | Kadar Kematian Mengikut Umur Disebabkan Wabak Spanish Flu Tahun 1918-1919. 30 |
| Graf 4.2.1 | : | Kadar Kematian Disebabkan Wabak Di India 64 |
| Graf 4.3.2 | : | Trend KDNK Per Kapita Semasa Wabak Influenza 1918 Di India 73 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- SSL** - Social Service League
- KDNK** - Keluaran Dalam Negara Kasar



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GLOSARI

- Influenza HINI** - Virus Influenza A (H1N1) adalah subjenis virus influenza A dan merupakan penyebab influenza (sejuk) yang paling biasa di kalangan manusia.
- Anthrax** - Jangkitan bakteria yang disebabkan oleh *Bacillus anthracis*.
- Sifilis** - Jangkitan bakteria seksual yang sangat menular dicirikan oleh sakit yang tidak menyakitkan pada alat kelamin, rektum atau mulut.
- Ghat** - Ghat, istilah yang digunakan di benua kecil India, bergantung pada konteksnya boleh merujuk sama ada kepada pelbagai bukit yang melangkah dengan lembah (ghati dalam bahasa Hindi), atau siri langkah yang menuju ke badan air atau dermaga, seperti tempat mandi atau pembakaran mayat di sepanjang tebing sungai atau kolam.
- Cytokine** - Sitokin adalah kategori luas dari protein kecil ($\sim 5-20$ kDa) yang penting dalam penanda sel.
- Ayurveda** - Sistem perubatan tradisional India yang juga diamalkan di kawasan lain sebagai bentuk perubatan alternatif.
- Unani** - Istilah perubatan alternatif yang menggabungkan tradisi perubatan Yunani-Islam.
- Satyagraha** - Gerakan penentangan rakyat untuk memprotes monopoli garam terhadap pemerintahan Inggris di India.
- Raj** - Seseorang pemerintah yang memerintah sesebuah kerajaan.



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pada Mei 1918, India pernah digemparkan dengan penularan wabak Spanish Flu di negara tersebut. Wabak ini dipercayai berasal daripada negara Sepanyol dan mula dikesan pada musim bunga tahun 1918 di Sepanyol dan telah merebak keseluruh dunia dalam jangka masa 1 tahun sahaja.¹ Mengikut kajian, kadar kematian yang tertinggi disebabkan wabak ini adalah kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah dan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas.² Kewujudan wabak ini mula dikenal pasti apabila ianya mula menular dalam kalangan tentera Amerika Syarikat yang telah terlibat dalam Perang Dunia Pertama. Asal usul wabak ini tidak dapat dikenal pasti oleh para penyelidik, namun terdapat teori yang mengatakan bahawa wabak ini berasal daripada Asia atau Amerika Syarikat sendiri. Selain daripada itu, terdapat juga teori yang dikeluarkan oleh Frank Macfarlane Burnet dimana beliau mengatakan bahawa wabak Spanish Flu ini bermula di Haskell Country di Kansas ekoran daripada kawasan ini yang memiliki ladang babi yang sangat luas dan penternakan babi yang berleluasa.³ Selain daripada itu, wabak Spanish Flu ini juga dipercayai berasal daripada Hunston Camp di Kansas juga.⁴ Teori ini wujud ekoran daripada tempat ini merupakan tempat pertama tentera Amerika Syarikat di mana mereka pertama kalinya membawanya ke Eropah dan kemudian keseluruh dunia semasa mereka terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

¹ Mansyur, M., Pandemi Flu Spanyol di Banjarmasin, Karesidenan Borneo Bagian Selatan dan Timur (1918-1920), *Yupa: Historical Studies Journal*, 4(1), 2020, hlm. 9-19.

² *Ibid.*, hlm.11.

³ Alfani, G., Aassve, A., Le Moglie, M., & Gandolfi, F., *Epidemics and Trust: The Case of the Spanish Flu*, 2020, hlm.20.

⁴ *Ibid.*, hlm 19.

India merupakan negara yang memiliki kadar kematian penduduknya yang paling tinggi akibat daripada wabak ini. Kematian di India dianggarkan lebih tinggi dengan jumlah kematian yang disebabkan oleh Perang Dunia Pertama. Penularan wabak ini sukar dibendung di India disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Spanish Flu di India juga banyak meninggalkan kesan yang sangat mendalam terhadap penduduk di sana. Pelbagai penyelidikan telah dilakukan oleh penulisan lepas tentang wabak Spanish Flu namun penulisan yang menjurus kepada wabak Spanish Flu di negara India sahaja masih kurang penulisannya. Maka kajian ini bertujuan untuk mengisi kelopangan yang wujud berkaitan dengan wabak Spanish Flu di India.

1.2 Permasalahan Kajian

Kemunculan wabak Spanish Flu di India pada suatu ketika dahulu sentiasa dijadikan bualan masyarakat dunia sehingga ke hari ini ekoran daripada kadar kematian di India akibat wabak ini adalah yang tertinggi di dunia. Perkara yang sentiasa menjadi persoalan masyarakat dunia pada hari ini adalah bagaimana wabak ini boleh sampai ke negara India sedangkan wabak ini berasal daripada negara Sepanyol dan seperti yang kita ketahui bahawa pada dahulu kala, belum wujudnya lagi aktiviti perlancongan antara negara dan kenderaan yang berkuasa tinggi yang memudahkan perjalanan manusia untuk bergerak pada jarak yang jauh seperti yang masyarakat kini alami, namun mengapa wabak ini dapat tersebar dengan sangat cepat keseluruh India. Ekoran daripada kenyataan ini, ia menguatkan lagi persoalan yang timbul di benak masyarakat tentang bagaimana wabak ini tersebar India dan mengapakah India merupakan negara yang kadar kematiannya paling tinggi disebabkan oleh wabak ini.

Dengan kadar kematian yang sangat tinggi di India, sudah pasti pelbagai pihak telah memainkan banyak peranan bagi membendung penularan ini. Disebabkan pada ketika itu India sedang di bawah jajahan British, maka British yang bertanggungjawab dalam membantu India mengekang masalah penularan wabak Spanish Flu di India. Namun hal yang demikian, masih terdapat masyarakat India yang menganggap bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan tidak memberikan fungsi yang mendalam

dalam mengekang penularan wabak Spanish Flu di India. Meskipun begitu, masyarakat India tidaklah meletakkan tanggungjawab sepenuhnya terhadap pihak kerajaan British dalam menangani masalah penularan wabak ini di India. Banyak agensi-agensi swasta di India yang turut melibatkan diri dalam sama-sama mengekang penularan wabak Spanish Flu di India seperti Social Service League (SSL), Persatuan Perubatan Hindu, Persatuan St. John Ambulance dan Hospital Skim Lady Willingdon.

Penularan wabak Spanish Flu di India telah memberikan impak yang sangat mendalam kepada penduduk India sama ada dari aspek sosial, ekonomi dan politiknya. Kesan yang dialami oleh masyarakat India akibat daripada wabak Spanish Flu ini masih dirasakan oleh sesetengah masyarakat di India pada hari ini.

Untuk menjawab permasalahan kajian ini, beberapa persoalan yang telah ditimbulkan, iaitu:

- i. Bagaimanakah Spanish Flu menular ke India?
- ii. Apakah peranan pihak kerajaan dan bukan kerajaan dalam menangani penularan wabak Spanish Flu ini di India?
- iii. Sejauh manakah kesan penularan wabak Spanish Flu kepada India dan masyarakatnya?

1.3 Objektif Kajian

Secara khusus, penyelidikan ini akan mengkaji tentang wabak Spanish Flu di India yang telah muncul pada tahun 1918 dan berakhir pada 1920. Ekoran daripada hal ini, terdapat 3 objektif kajian yang telah disenaraikan bagi menjawab setiap permasalahan kajian. Berikut merupakan objektif kajian dalam penyelidikan ini:

- i. Mengkaji latar belakang Spanish Flu dan punca penularannya ke seluruh India.
- ii. Menganalisis wabak Spanish Flu dan langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan di India dalam mengekang penularan wabak ini.
- iii. Menilai impak penularan wabak Spanish Flu di India.

1.4 Sorotan Literatur

Bahagian ini dibahagikan mengikut objektif yang ingin dicapai berdasarkan klarifikasi mengikut tema. Tema yang pertama adalah kemunculan awal Spanish Flu dan bagaimana boleh menular ke India. Dalam tema ini, terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang telah digunakan sebagai panduan. Sorotan literatur yang pertama adalah diperolehi daripada akhbar yang berjudul "Sejarah Flu Sepanyol Yang Jadi Pandemi Tahun 1918" dan telah dicetak pada 14 April 2020 oleh *Detik News*. Dalam akhbar ini ada mengatakan tentang asal usul Spanish Flu ini dimana penyakit ini disebabkan 4 oleh virus Influenza yang berasal daripada haiwan unggas. Selain daripada itu, sorotan literatur yang turut diambil sebagai panduan untuk kajian ini adalah karya penulisan daripada Aassve, Alfani, Gandolfi, dan Le Moglie yang diterbitkan pada tahun 2021 yang berjudul "*Epidemics And Trust: The Case Of The Spanish Flu. Health Economics*". Buku ini banyak menceritakan tentang bagaimana wabak Spanish Flu ini boleh wujud dan bagaimana wabak ini boleh merebak ke seluruh dunia. Buku ini juga ada menyatakan persamaan wabak ini dengan satu wabak yang dikenali sebagai Influenza H1N1 yang pernah menyerang dunia pada tahun 2009 silam. Mengambil sorotan literatur daripada karya Tognotti yang telah diterbitkan pada tahun 2003 yang berjudul "*Scientific Triumphalism And Learning From Facts: Bacteriology And The Spanish Flu Challenge of 1918*" yang mana beliau dalam penulisannya ini ada menfokuskan tentang jumlah kematian yang disebabkan oleh wabak Spanish Flu ini dan bahayanya wabak ini. Bukan itu sahaja, untuk penulisan Tognotti ini, beliau turut memberikan penekanan terhadap beberapa penyakit bawaan virus Influenza yang merbahaya seperti seperti anthrax, kolera, tibi, wabak, dan sifilis. Dalam penulisan Singh M. yang berjudul *Bombay Fever/Spanish FLU: Public health and native press in Colonial Bombay* berfokus tentang penularan wabak Spanish Flu di Bombay dan kesannya terhadap masyarakat di Bombay.

Seterusnya tema yang kedua untuk kajian ini adalah menyentuh tentang langkah yang telah diambil oleh masyarakat India dan kerajaan British bagi mengekang masalah penularan wabak Spanish Flu di India. Dalam penulisan Greenberger yang diterbitkan pada tahun 2018 yang berjudul "*Better Prepare Than React: Recording Public Health Priorities 100 Years After The*

Spanish Flu Pandemic” beliau telah menjelaskan tentang sistem kuarantin yang pertama kalinya diperkenalkan oleh kerajaan zaman dahulu di Eropah bagi mengekang penyebaran wabak Spanish Flu ini. Sistem kuarantin ini juga turut diperkenalkan oleh pihak British di India sebagai salah satu daripada langkah untuk mengekang penularan wabak Spanish Flu di India. Selain daripada itu Greenberger juga ada menyatakan tentang penutupan banyak institusi di seluruh dunia sebagai satu cara untuk memutuskan rantaian wabak Spanish Flu ini.

Selain itu, sorotan kajian lepas yang turut digunakan sebagai rujukan untuk tema ini juga adalah hasil karya penulisan daripada Franchini, Auxilia, Galimberti, Piga, Castaldi dan Porro yang telah diterbitkan pada tahun 2020 dan berjudul “*COVID 19 And Spanish Flu Pandemics: All it Changes, nothing Changes*”. Dalam artikel ini, para penulis menjelaskan bahawa wabak Spanish Flu dengan Covid-19 yang sedang melanda negara pada masa kini memiliki persamaan yang sangat serupa. Menurut para penulis, masyarakat pada zaman dahulu menggunakan penutup hidung dan mulut serta menjalani kuarantin semasa wabak Spanish Flu dan keadaan ini serupa dengan tindakan yang diambil oleh masyarakat pada masa kini dalam usaha mengekang Covid-19.⁵

Sorotan literatur yang terakhir digunakan untuk tema ini adalah sebuah jurnal yang berjudul “*A Tale Of Two Cities: Spanish Flu Mask Laws In Alberta, Canada*” yang ditulis oleh Minenko pada tahun 2021. Dalam artikel ini, penulis menulis tentang keadaan dunia termasuk India semasa wujudnya Spanish Flu pada tahun 1918 sehingga tahun 1920. Menurut penulis masyarakat pada ketika itu hanya menggunakan penutup hidung dan mulut serta mencuci tangan dengan kerap bagi mengelakkan dijangkiti Spanish Flu ini kerana wabak ini dikatakan tidak memiliki apa-apa penawar dan tenaga kesihatan pada masa itu juga adalah sangat sedikit.

⁵ Franchini, A. F., Auxilia, F., Galimberti, P. M., Piga, M. A., Castaldi, S., & Porro, A., Covid 19 And Spanish Flu Pandemics: All It Changes, Nothing Changes, *Acta Bio Medica: Atenei Parmensis*, 91(2), 2020, hlm. 245.6

Tema yang terakhir untuk kajian ini adalah impak yang dihadapi oleh masyarakat India pada dahulu kala kesan daripada penyebaran wabak Spanish Flu ini. Karya pertama yang digunakan sebagai sorotan literatur untuk tema ini adalah buku yang berjudul "*What Happened To The Us Economy During The 1918 Influenza Pandemic? A Vie Through High-Frequency Data*" hasil penulisan daripada Velde yang diterbitkan pada tahun 2020. Dalam buku ini, penulis telah menjelaskan tentang keadaan ekonomi di dunia semasa terjadinya wabak Spanish Flu pada tahun 1918. Sorotan literatur yang seterusnya merupakan sebuah akhbar daripada BBC News Indonesia yang telah dikeluarkan pada 30 April 2020 di mana tajuk utama akhbar tersebut berjudul "Meningat Pandemi Flu sepanyol Tahun 1918 Yang Tewaskan 50 Juta Orang". Di dalam akhbar ini, penulis telah mencatatkan jumlah kematian yang disebabkan oleh Spanish Flu ini. Sorotan literatur yang seterusnya yang diambil untuk rujukan kajian bagi tema ini adalah buku yang berjudul "*Death And Stock Market: International Evidence From The Spanish Flu Applied Economics Letters*," yang ditulis oleh Burdekin pada tahun 2020. Di dalam buku ini, penulis telah menjelaskan tentang keruntuhan ekonomi dunia semasa Spanish Flu melanda dimana menurut penulisan penulis, banyak premis-premis pekerjaan ditutup buat sementara waktu sehingga menyebabkan berlakunya tunggakan stok yang sangat banyak di kilang-kilang pembuatan. Semasa penularan wabak Spanish Flu di India, premis-premis pekerjaan di India juga turut ditutup. Hal ini telah menyebabkan para pekerja telah hilang pekerjaan dan pulang ke kampung halaman bagi meneruskan kehidupan. Sepulangnya para pekerja dari bandar ke luar bandar telah menjadi punca peningkatan wabak Spanish Flu di kawasan pedalaman.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengisi kepongangan yang telah wujud pada penulisan-penulisan yang lepas. Kebanyakan para penulis yang lepas hanya berfokus kepada wabak Spanish Flu secara umum di seluruh negara tanpa berfokus kepada satu negara sahaja sedangkan kesan yang dihadapi oleh setiap negara adalah berbeza meskipun hampir sama. Contohnya, kesan Spanish Flu di negara Barat tidak sama dengan di India. Di Barat, golongan yang paling banyak terkorban adalah golongan lelaki kerana mereka terlibat

dalam Perang Dunia Pertama manakala di India adalah kaum wanita kerana golongan ini terlalu sibuk menguruskan korban wabak ini. Walaupun dilihat secara umum Spanish Flu memang memberi kesan buruk terhadap masyarakat dunia, namun terdapat perkara yang berubah menjadi lebih baik kesan daripada wabak ini khususnya di negara Asia dimana masyarakat Asia yang sebelum ini merupakan kawasan tanah jajahan British telah bersatu dalam menentang pentadbiran British di kawasan mereka seperti di India kerana ketidakupayaan British dalam mengendalikan penularan wabak di negara tersebut. Sebelum ini, masyarakat India sendiri kurang memberikan sokongan terhadap gerakan nasional di negara mereka sendiri. Kajian ini juga penting kerana kajian ini boleh menampakkan kelemahan pentadbiran penjajah apabila berlaku bencana di wilayah yang dijajahnya kerana penjajah hanya mementingkan keadaan di negara mereka sendiri berbanding dengan wilayah jajahan mereka.

1.6 Skop Kajian

Penyelidikan ini meliputi skop masa iaitu dari tahun 1918 sehingga 1920. Tahun 1918 dianggap penting kerana pada tahun ini wabak Spanish Flu mula dikesan di Sepanyol dan kemudiannya merebak ke seluruh dunia, termasuk di India. Tahun 1920 pula merupakan tarikh di mana berakhirnya wabak influenza ini mengancam dunia. Spanish Flu dipercayai hadir dalam 4 gelombang dimana gelombang yang pertama tidak terlalu membahayakan manakala gelombang yang kedua dianggap sebagai waktu yang mematikan umat manusia di mana 50 juta nyawa manusia telah terkorban akibat daripada wabak ini. Gelombang kedua wabak ini bukan sahaja menjangkiti warga tua serta golongan berisiko namun turut menjangkiti golongan remaja yang berumur dalam lingkungan 20-40 tahun sehingga boleh mengakibatkan kematian. Wabak influenza ini dipercayai berakhir pada hujung tahun 1920.

Kajian ini hanya berfokus kepada negara India sahaja di mana India merupakan negara yang kadar kematiannya paling tinggi di dunia akibat wabak influenza ini. Kematian di India dianggarkan antara 18 sehingga 20 juta orang. Jumlah kematian di India akibat wabak ini diyakini lebih banyak dengan jumlah